

04 AUG 1997

Ting-Kebersihan

KERJA AMAL UNTUK MEREKA YANG BUANG SAMPAH MERATA-RATA

ALOR SETAR, 4 Ogos (Bernama) -- Rang Undang-undang Akta Pengurusan Sisa Pepejal, yang menetapkan supaya sesiapa yang membuang sampah merata-rata membuat kerja amal, dijangka siap akhir tahun ini atau tahun depan, kata Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chew Peh hari ini.

Beliau berkata peraturan itu yang akan diperkenalkan berikutan langkah kerajaan menswastakan kerja pelupusan sisa pepejal turut akan mengenakan denda lebih tinggi terhadap kesalahan membuang sampah merata-rata.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas menyampaikan cek kepada kerajaan-kerajaan tempatan di negeri ini, beliau berkata tindakan itu tidak boleh diambil sekarang kerana undang-undang itu belum diluluskan.

Semalam Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad begitu marah dengan kekotoran di Bukit Bintang, Kuala Lumpur, akibat sikap orang ramai yang suka membuang sampah merata-rata.

Ting, yang diminta mengulas kenyataan Dr Mahathir itu, berkata peraturan sedia ada memperuntukkan denda maksimum RM1,000 terhadap mereka yang melakukan kesalahan sedemikian.

Katanya oleh kerana kerajaan tidak boleh menempatkan pegawai penguatkuasanya di setiap penjuru jalan, kerjasama orang ramai amat diperlukan dan mereka hendaklah mengubah sikap terhadap soal kebersihan.

Ting berkata bahawa sejak Kempen Bersih dan Indah dilancarkan pada 1990, terdapat kesan positif daripada segi kebersihan di negara ini tetapi ianya masih tidak mencukupi sekiranya sikap masyarakat tidak berubah.

Beliau juga mengarahkan supaya setiap pihak berkuasa tempatan menubuhkan pasukan petugas untuk menyelaras aktiviti menjaga kebersihan. --

BERNAMA

JM MAI